

## PPUMS Kukuhkan Silaturahmi antara Pegawai Pengurusan dan Profesional di Sabah

Terakhir dikemaskini: Khamis, 31 Januari 2019 08:03 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 201

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



SELASA, 29 JANUARI - Persatuan Pegawai Pengurusan dan Profesional Universiti Malaysia Sabah (PPUMS) mengukuhkan jalinan silaturahmi bersama pegawai pengurusan dan profesional daripada jabatan dan agensi kerajaan di Negeri Sabah

melalui penganjuran kejohanan sukan, baru-baru ini.

Pendaftar UMS, Vina Zahriani Yusof berkata, matlamat utama penganjuran sukan tersebut adalah untuk menarik minat golongan profesional melibatkan diri secara aktif dalam kegiatan sukan. Penganjuran sukan ini yang dikelola oleh PPUMS di bawah kepimpinan Azmi bin Jumat selaku Presiden, telah menarik minat persatuan pegawai pengurusan dan profesional di negeri Sabah untuk menyertainya.

“Saya percaya penganjuran sukan antara persatuan pegawai pengurusan dan profesional ini yang julung kalinya diadakan juga dapat mengasah kembali bakat-bakat sedia ada khususnya dalam acara-acara sukan yang dipertandingkan.

“Aktiviti seumpama ini juga diharap dapat meningkatkan sekali gus mengekalkan kesihatan fizikal dan mental para peserta yang mengambil bahagian,” ujarnya ketika merasmikan penutupan kejohanan itu.

Menurut Vina, selain mencapai matlamat penganjuran, kejohanan tersebut diharap dapat mengekalkan hubungan silaturahmi dalam kalangan para pegawai pengurusan dan profesional khususnya di sekitar di negeri Sabah.

“Bagi saya apa yang lebih signifikan di sini ialah kejayaan menganjurkan acara ini sebagai manifestasi dari semangat setia kawan dan semangat muafakat serta kesungguhan untuk mencapai sesuatu tujuan yang sama-sama dikongsi oleh jawatankuasa penganjur untuk menjadikan penganjuran kejohanan ini sebagai acara yang berjaya dan boleh dibanggakan,” katanya.

Pada kejohanan tersebut, sebanyak enam acara sukan dipertandingkan iaitu bola tampar, bola jaring, tenis, ping pong, bola sepak dan badminton yang disertai oleh ahli-ahli daripada PPUMS, Persatuan Pegawai-pegawai Polis

Diraja Malaysia (PDRM) Kontinjen Sabah, Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik Cawangan Sabah, serta Persatuan Pustakawan Malaysia Kumpulan Sabah.

Turut hadir, di majlis tersebut ialah ACP Zabidi Md. Zain Pengerusi Persatuan Pegawai Polis DiRaja Malaysia Kontinjen Sabah, Dayang Salwah Pangiran Abdul Razak Pengerusi Persatuan Pustakawan Malaysia Kumpulan Sabah dan Georgie Abbas wakil Presiden Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik Cawangan Sabah.